

Usahlah **khawatir** kalau kes naik!

Liputan vaksin dalam negara di tahap baik bantu kurangkan kesan sampingan dihadapi pesakit

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Masyarakat tidak perlu khawatir dengan peningkatan kembali kes Covid-19 di Malaysia dan beberapa negara Asean yang lain kerana data bagi liputan vaksin berada di tahap yang baik.

Pakar Kesihatan Awam (Epidemiologi dan Biostatistik) dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Malina Osman berkata, hanya ada satu atau dua negara sahaja liputan vaksinnya masih rendah iaitu 60 peratus seperti dilaporkan di Myanmar.

Katanya, masyarakat perlu melihat tiga indikator utama Covid-19 antaranya kemasukan pesakit ke dalam hospital dan jumlah kematian dilaporkan sebelum mengatakan kes di sesebuah negara itu meningkat secara mendadak.

"Kita lihat pada liputan vaksin di sesebuah negara itu, secara umumnya kes meningkat. Kita tidak lihat jumlah kes semata-mata, jika tiga indikator dinyatakan



Kita akui, walaupun dengan (suntikan) vaksin, masih ramai yang dijangkiti oleh wabak berkenaan namun kesan sampingan dihadapi pesakit berkenaan lebih ringan"

Dr Malina

tadi menunjukkan peningkatan barulah ia memerlukan perhatian yang lebih supaya sistem kesihatan negara tidak lumpuh.

"Kita akui, walaupun dengan (suntikan) vaksin, masih ramai yang dijangkiti



Saya bimbang apabila kita agak lalai dengan SOP yang ditetapkan seperti menjaga jarak, pemakaian pelitup muka, membasuh tangan dan menjaga jarak dalam keramaian dan kenduri-kendara"

Dr Rafidah

wabak berkenaan namun kesan sampingan dihadapi pesakit berkenaan lebih ringan berbanding mula-mula penularan virus di negara ini," katanya semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Dr Noor Hisham me-



ORANG ramai memakai pelitup muka ketika membeli-belah di sekitar kawasan Pasar Kedai Payang, Kuala Terengganu.
- Gambar NSTP/GHAZALI KORI

maklumkan jumlah kes baharu Covid-19 di negara ini meningkat 27.9 peratus atau 11,096 kes kepada 14,195 kes berbanding pada minggu sebelumnya (ME ke-23).

"Tada perubahan ketara

bagi jumlah kemasukan pesakit Covid-19 ke fasiliti kesihatan iaitu hospital serta Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) bagi setiap 100,000 penduduk untuk ME ke-24 berbanding

ME sebelumnya," katanya.

Dr Malina berkata, walaupun kini masyarakat mula leka dengan kelonggaran prosedur operasi standard (SOP) ramai terlindung daripada dijangkiti Covid-19 kerana sudah ambil vaksin.

Sementara itu Naib Presiden Ikatan Pengamal Perubatan dan Kesihatan Muslim Malaysia (I-Medik), Prof Madya Dr Rafidah Hanim Mokhtar berkata, peningkatan kes sudah dijangka kerana rakyat Malaysia baharu sahaja menyambut Aidilfitri serta berkumpul ketika cuti persekolahan.

"Trend kenaikan kes Covid-19 dijangkakan kerana kita baru merayakan Aidilfitri dan diikuti cuti sekolah. Kita melihat sepanjang bulan Syawal pelbagai perhimpunan, majlis hari raya dan kenduri kendara diadakan di seluruh negara.

"Kita perlu terima hakikat perlu hidup dengan virus Covid-19 dan meneruskan aktiviti seperti biasa. Tetapi saya bimbang apabila kita lalai dengan SOP yang ditetapkan seperti menjaga jarak, pemakaian pelitup muka, membasuh tangan dan menjaga jarak dalam keramaian dan kenduri-kendara," katanya.